


LATIHAN HMT 211



NAMA: NURUL FIKRAH BINTI AZIZ

NO KAD PENGENALAN: 980207115208

NO MATRIK: 141428

NAMA PENSYARAH: PUAN NORHANIZA BINTI ABDUL KHAIRI

Fonetik didefinisikan sebagai bunyi-bunyi bahasa yang dilihat sebagai entiti yang memberi bentuk kepada bahasa. Dengan kata lain, tidak ada bahasa jika tidak ada bunyinya. Bunyi yang diartikulasikan dengan merujuk bahasa Melayu yang disusun dalam struktur bahasa, akhirnya akan membentuk suku kata, kata, frasa dan ayat. Fonetik menghuraikan cara penghasilan bunyi yang terdiri daripada posisi dan pergerakan artikulasi. Bidang fonetik terbahagi kepada tiga cabang utama, iaitu fonetik artikulasi, fonetik akustik dan fonetik auditori. Fonetik artikulasi mengkaji cara bunyi-bunyi bahasa dihasilkan oleh manusia dan bahagian-bahagian (articulator) yang terlibat dalam penghasilan bunyi. Fonetik akustik pula mengkaji sifat-sifat bunyi bahasa. Sifat fizikal yang dimaksudkan ialah gelombang bunyi ujaran yang dihasilkan oleh pita suara. Akhir sekali, fonetik auditori pula mengkaji cara otak memproses bunyi yang diterima melalui telinga dan cara bunyi-bunyi tersebut diinterpretasikan. Proses yang terlibat dinamakan sebagai mendekod, yang melibatkan pendengar.

Dalam bidang fonetik, terdapat beberapa tokoh yang telah mengkaji bidang fonetik ini. Antaranya ialah Bertil Malmberg (1968) yang merupakan seorang ahli fonetik Perancis telah mendefinisikan fonetik sebagai pengkajian unit-unit bahasa. Bagi beliau, fonetik ialah kajian yang lebih memberatkan kepada pelahiran bahasa. Dengan kata lain, Malmberg mengatakan bunyi-bunyi bahasa ini lebih penting jika dibandingkan dengan makna kata itu sendiri. Menurutnya, fonetik ini telah terbahagi kepada 4 cabang iaitu ilmu fonetik am, ilmu fonetik deskriptif, ilmu fonetik sejarah dan ilmu fonetik normatif.

J.D.O'Connor (1973) juga merupakan antara tokoh yang mengkaji bidang fonetik mengatakan bahasa fonetik ialah bidang ilmu yang bersangkutan dengan bunyi-bunyi bising yang dihasilkan oleh manusia. Menurutnya juga, Fonetik merupakan bidang kajian ilmu pengetahuan (science) yang menelaah bagaimana manusia menghasilkan bunyi-bunyi bahasa dalam ujaran, menelaah gelombang-gelombang bunyi bahasa yang dikeluarkan, dan bagaimana alat pendengaran manusia menerima bunyi-bunyi bahasa untuk dianalisis oleh otak manusia. Pada peringkat ini kita boleh menganggap bahawa penutur mempunyai 2 fungsi yang berbeza. Fungsi pertama ialah fungsi berkarya atau fungsi kreatif yang menjadi fungsi terpenting dimana mesej diterima dan dibentuk di dalam otak. Fungsi yang kedua pula ialah fungsi saluran yang melibatkan peranan otak dalam penghasilan bunyi bahasa. Otak menyalurkan arahan berpola dalam bentuk impuls saraf di sepanjang lorong deria yang menghubungkan otak dengan otot-otot organ yang bertanggungjawab bagi menghasilkan bunyi-bunyi bahasa.

Kesimpulannya, fonetik amat penting kerana ia merupakan kajian tentang bagaimana kita menggunakan organ pertuturan apabila menghasilkan bunyi-bunyi bahasa. Akhirnya bahasa ini menjadi alat komunikasi yang digunakan oleh manusia untuk berhubung dan berinteraksi antara satu sama lain. Dengan kata lain, berlakunya pemindahan bunyi dari penutur kepada pendengar. Maka berlaku pertuturan.

Rujukan

Asmah Haji Omar. (2018). Teori dan Kaedah Fonetik. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka

Elizabeth C.Zsiga. (2013). The Sounds of Language An Introduction to Phonetics and Phonology. A John Wiley & Sons, Ltd., Publication

Indirawati Zahid & Abdul Hamid Mahmood (2016). Pengantar Fonetik. Melaka. Dewan Bahasa dan Pustaka

Indirawati Zahid & Mardian Shah Omar. (2012). Fonetik dan Fonologi. Selangor. PTS Publications & Distributors Sdn.Bhd.

Nor Hashimah Jalaluddin. (1998) Asas Fonetik. Selangor. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Suraiya Chapakiya. (2014). Asas Linguistik. Kuala Lumpur. Perpustakaan Negara Malaysia